4.12	Plot Min Antara Status Sosio Ekonomi Kluarga dengan Resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor	256



## SENARAI SINGKATAN

APDM	Aplikasi Pangkalan Data Murid
BPLTV	Bahagian Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
SPSS	<i>Statistical Packages for The Social Science</i>
SSE	Status Sosio Ekonomi
TKBE	Terapi Keluarga Berfokus Emosi

## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Penilaian Kesahan Soal Selidik
- B Surat-Surat Lantikan Penilai Kesahan Soal Selidik
- C Borang Soal Selidik
- D Surat Menyurat Permohonan Kajian
- E Kebolehpercayaan Kajian
- F Data Kajian
- G Laporan Turnitin



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Keluarga berperanan memberikan peluang pendidikan, sokongan dan dorongan emosi serta corak komunikasi sosial kepada anak-anak sehingga menterjemahkan fungsi keluarga ini kepada kemahiran-kemahiran yang anak-anak perolehi untuk berkembang di dalam kehidupan (Ahn, 2022; McLaughlin dan Sheridan, 2016). Keluarga merupakan institusi awal yang sangat penting dalam kehidupan seseorang.

Perkembangan anak-anak di alam dewasa merupakan tempoh perkembangan peribadi yang sangat pesat (Arnett,2000). Keluarga memiliki peranan sebagai pemusatan dalam membentuk karakter, sikap, nilai-nilai, dan perilaku individu sejak awal pengalaman usia individu. Gaya perapatan adalah hubungan ikatan emosi antara anak dengan ibu bapa atau pengasuh utama, yang membentuk dasar bagi bagaimana individu akan membentuk hubungan dengan orang lain pada masa depan dan bagaimana mereka mengatasi cabaran dan perubahan dalam hidup (Hazan dan Shaver,





1987; Bartholemew,1990; Shaver dan Mikulincer,2007); serta memiliki pengaruh yang signifikan terhadap perkembangan kebolehan dan kematangan emosi pada individu.

Keluarga merupakan institusi yang berperanan penting dalam membentuk keperibadian seseorang individu. Pertautan kasih sayang anak-anak dengan ibu bapa telah wujud sejak daripada awal lagi (Bowlby,1969 ). Hubungan pertautan emosi antara ibu bapa dan anak-anak diistilahkan dalam kajian psikologikal kaunseling sebagai perapatan. Perapatan merujuk kepada kebolehan untuk membentuk ikatan emosi dan empati, hubungan yang bermakna dengan orang lain, terutamanya ahli keluarga rapat (Mikulincer dan Shaver,2014). Perapatan awal anak-anak sejak perkembangan kanak-kanak juga proses perkembangan emosi sehingga alam dewasa (Allen, 2008).

Walau bagaimanapun, pembentukan hubungan pertautan emosi dan perkembangan diri anak-anak turut ditentukan dengan faktor-faktor persekitaran. Layanan ibu bapa kepada jantina anak-anak turut menentukan karekteristik pembentukan sahsiah, emosi dan tingkahlaku anak-anak (Oesterle,2010; Ullrich , 2022). Kitaran emosi dalam keluarga yang mempunyai konflik kekeluargaan yang tinggi dengan pergaduhan ibu bapa, penceraian ibu bapa (Branje,2018; Fozard,2020). Faktor ekonomi turut menyumbang kepada emosi dan persepsi anak-anak apabila tumbuh dewasa kerana anak-anak membesar dalam pengalaman keperluan-keperluan mereka dipenuhi atau ditolak oleh keluarga mereka (Walker,2021;Falci,2010)..

Individu anak-anak yang tumbuh dewasa cenderung mengelakkan diri dalam hubungan ikatan emosi dengan orang lain dengan cara berdikari dan mengasingkan diri (Simpson dan Rholes,2017). Traumatik anak-anak semasa kanak-kanak akibat





penderaan, pengabaian dan penceraian ibu bapa turut menyebabkan gangguan kepada proses pembentukan estim sendiri dan imej sendiri individu pada peringkat perkembangan anak-anak dewasa (Xiang,2018; French,2022). Konsep sendiri yang negatif yang dibentuk sejak kanak-kanak telah menyahaktifkan pembentukan autonomi diri individu (Palacios, 2015). Autonomi individu dibentuk melalui imej sendiri (Hodgins,2007) untuk mengenal pasti kesepadanan sendiri, kawalan sendiri dan keutamaan sendiri sebagai motivasi pemanduan kepada bakat, minat dan tindakan halatuju matlamat mereka (Weinstein dan Ryan,2012). Perbezaan layanan terhadap jantina anak-anak akan menentukan estim sendiri mereka untuk berkembang sebagai orang dewasa yang berupaya menentukan keputusan autonomi sendiri (Wang,2023; Katz-Wise,2010). Anak-anak perempuan yang tumbuh dalam keluarga perapatan selamat cenderung memiliki matlamat yang jelas terhadap minat, bakat dan pencapaian mereka (Bhaurla,2019). Mereka cenderung memiliki kerjaya yang baik semasa dewasa (Powers,2008; Bhaurla,2019). Namun begitu, kekuatan ekonomi keluarga turut dikatakan sebagai sumber kewangan dan penentu kepada kelas sosial untuk menentukan autonomi anak-anak membuat keputusan kepada pilihan keluarga dan anak-anak mereka (Steckermeier,2021).

Manakala itu, perapatan keluarga turut berperanan untuk membentuk pandangan sesuatu situasi pada penilaian yang positif atau negatif. Menurut, Gross dan Thompson (2007), strategi regulasi kognitif dan penekanan ekspresi emosi adalah dua strategi emosi kepada respon sesuatu peristiwa yang dialami dalam kehidupan. Penilaian kognitif merupakan strategi regulasi emosi yang adaptif membawa kepada penyantunan emosi dan tindakan yang positif (Mcrae et.al.2012). Penilaian kognitif sebagai orang dewasa menentukan kesejahteraan diri mereka (Gross dan John,2003).





Walaupun pengalaman dalam keluarga terhadap jantina mereka, konflik kekeluargaan dan pendapatan keluarga membataskan strategi regulasi emosi individu. Strategi penekanan ekspresif cenderung dilakukan akibat daripada pengalaman-pengalaman traumatik individu dewasa semasa kanak-kanak (Shepherd, 2014; Hoffman, 2023).

Transisi anak-anak akhir remaja yang berkembang ke fasa awal dewasa memerlukan kekuatan emosi untuk menghadapi tekanan dan cabaran dalam kehidupan (Ong, 2009). Pandangan respon emosi dalam menghadapi kehidupan turut menentukan kecenderungan tahap resiliensi individu menghadapi kesulitan yang dialami (Reynald, 2013). Keluarga berfungsi menunjukkan contoh tingkahlaku dalam mengatasi kesulitan dan cabaran, mengelola emosi untuk bertindak bangkit menjadi kuat menghadapi masalah (Black, 2008; Patterson, 2002; Walsh, 2003).

Oleh demikian, transisi perkembangan anak-anak ke fasa awal dewasa merupakan fasa yang sangat pantas (Arnett, 2000) dan memerlukan kajian penerokaan terhadap perubahan yang berlaku kepada perkembangan konsep sendiri mereka kepada kemahiran autonomi (Weinstein dan Ryan, 2012; Ryan dan Deci, 2002, Lynch, 2003), perkembangan regulasi emosi terhadap respon anak-anak terhadap peristiwa yang dialami (Gross dan Thompson, 2007) dan kekuatan resiliensi mereka untuk menghadapi tekanan dan cabaran sebagai orang dewasa (Smith et.al, 2018).





## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tugas penglibatan keluarga sebagai institusi awal dan paling signifikan terhadap diri individu tidak dapat disangkal lagi. Ikatan hubungan perapatan antara ibu bapa atau penjaga yang responsif terhadap keperluan diri anak-anak bermula sejak dari kandungan telah mewujudkan rasa aman, percaya dan selamat (Bowlby, 1969). Namun begitu, perhubungan yang tidak responsif terhadap keperluan anak-anak seperti kasih sayang, belaian dan keperluan fisiologi makan dan minum telah mewujudkan rasa tidak aman, hubungan yang tidak akrab dan menjauhi (Bowlby, 1969; Bartholomew dan Horowitz, 1991).

Peralihan daripada remaja kepada dewasa dianggap sebagai peringkat perkembangan yang penting dalam pertumbuhan individu. Transisi perubahan ini tidak hanya melibatkan perubahan umur, fizikal tetapi peranan sosial dalam masyarakat seperti mereka menuju kepada peningkatan pendidikan, pekerjaan dan alam perkahwinan. Gaya perapatan dalam sistemik keluarga mempengaruhi individu sepanjang hayat. Pola hubungan ini dapat mempengaruhi cara individu berinteraksi, berkomunikasi, dan berperilaku (Fraley (2002) dan Fraley (2006)).

Sedikit kajian tempatan yang memberikan fokus terhadap teori perapatan di dalam proses kedewasaan anak-anak remaja (Siti, Jamiah, Haslinda dan Turiman, 2016; Nor Ba'yah, Asmawati, Salleh, Nur Saadah, Norhayati dan Hilwa, 2017; Amirah Najiha, Noor Sheereen dan Rozumah, 2019). Malah, dalam konteks di Malaysia, banyak kajian memberikan penekanan terhadap teori perapatan dalam proses pembentukan





sikap dan keperibadian awal kanak-kanak (Nissia, Lawrence dan Mohd Roslan, 2018; Khodaharimi, Hashim dan Zaharim, 2016).

Penerokaan kepada latar belakang individu semasa proses intervensi kaunseling adalah satu langkah penting untuk menetapkan matlamat kaunseling. Terapi sistemik keluarga berfokus emosi yang dikembangkan melalui orientasi perapatan melaporkan anak-anak berkembang dalam kitaran emosi ibu bapa sebagai pasangan. Orientasi teori perapatan mengatakan gaya perapatan mempengaruhi perkembangan anak-anak sejak alam kanak-kanak (Hazan dan Shaver, 2000; Mikulincer dan Shaver, 2007). Namun begitu, apakah peranan keluarga dalam proses transisi pemisahan individu di alam awal dewasa anak-anak mereka seperti layanan keluarga pada jantina anak-anak, konflik ibu bapa yang bercerai dan status sosio ekonomi dalam konteks pendapatan keluarga?



Keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses anak-anak-anak mengenali identiti diri mereka. Sokongan keluarga untuk membantu anak-anak meneroka minat, kebolehan dan bakat mereka membentuk keupayaan autonomi diri dengan sendiri yang positif. Perapatan selamat dikaitkan secara positif dengan keupayaan interpersonal yang tinggi untuk berunding (Ketterson dan Blustein, 1997), berdasarkan penyesuaian adaptif (Blustein, Prezioso, dan Schultheiss, 1995; Kenny, 1987), kemampuan membuat keputusan (Hazan dan Shaver, 2000), keyakinan untuk dinilai positif oleh orang lain, dan penyesuaian terhadap cabaran dalam persekitaran kehidupan (Blustein et al., 1995, Katherine, 2019). Namun begitu, bagaimanakah gaya perapatan anak-anak yang mengalami transisi perubahan remaja ke alam dewasa mempengaruhi autonomi mereka ?







Keluarga yang mempunyai konflik yang tinggi seperti telah menyebabkan gangguan kepada regulasi emosi (Bonilla,2020; Costa,2018) dan resiliensi anak-anak (Lange,2022;Laletas,2021). Perubahan transisi kedewasaan turut memperkembangkan regulasi emosi (Leipold,2019) dan resiliensi anak-anak (Masten, 2004). Individu perapatan bimbang mempunyai pandangan negatif terhadap diri sendiri, menyebabkan keperluan obsesif untuk mendapat perhatian daripada orang lain, kebergantungan berlebihan (Mikulincer dan Shaver, 2005), kewaspadaan terhadap isyarat sosial dan emosi dari orang lain (Fraley, Niedenthal, Marks, Brumbaugh, dan Vicary, 2006), ketakutan dan kebimbangan terhadap penolakan, dan obsesif dan kegelisahan dengan terhadap hubungan dengan orang lain (Mikulincer dan Shaver, 2007). Sejauh manakah gaya perapatan anak-anak dalam transisi remaja ke alam awal dewasa mempengaruhi regulasi emosi mereka untuk melihat satu peristiwa secara penilaian kognitif atau penekanan ekspresif (Gross dan Thompson,2007) serta resiliensi keupayaan mereka untuk bertindak bangkit kembali setelah menerima tekanan (Masten et.al ,2004; Smith et.al, 2018)?

Kelompokan ini telah mendorong mengkaji untuk mengetahui bagaimanakah mungkin perubahan gaya perapatan dengan keluarga mempengaruhi perkembangan tingkahlaku dan sosio emosi dalam konstruk autonomi , regulasi emosi dan resiliensi pada anak-anak dalam proses kedewasaan anak-anak yang mengalami transisi perubahan perkembangan mereka ini. Kajian dianggap penting untuk membantu memperbaiki gaya perapatan dalam keluarga dengan meneroka latar belakang anak-anak dan keluarga sebagai klien untuk menetapkan matlamat sesi yang jelas, berstruktur dan berarah (Stavrianopoulos,2014).





Kajian ini turut dianggap penting dalam memberikan kesan meningkat mutu dalam perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling di Malaysia dan mempertingkatkan efikasi serta pengetahuan kaunselor, mahupun pegawai psikologi dalam mengendalikan sesi-sesi kaunseling atau bimbingan keluarga di kolej atau di insitusi perkhidmatan pendidikan , terapi dan kaunseling.

Oleh yang demikian, kajian kuantitatif *ex post facto* dan regresi dirasakan adalah reka bentuk kajian yang sesuai dalam mengkaji pengaruh perapatan keluarga sebagai faktor utama dalam mempengaruhi kebolehan iaitu autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dalam kalangan pelajar pada tahun akhir pengajian kolej vokasional di Negeri Johor.



### 1.3 Permasalahan Kajian

Transisi peralihan ke alam dewasa pada umur 18 hingga 30 tahun (Johnson, et.al,2015) turut melibatkan perubahan kepada peranan kekeluargaan (Keller,2007). Perubahan penting dalam peranan dan tanggungjawab sosial boleh meningkatkan tekanan dan menguji keupayaan individu untuk menyesuaikan diri(Maughan dan Champion 1990; Masten et al. 2004). Perubahan perkembangan individu anak-anak yang meningkat dewasa turut melibatkan perubahan hubungan dengan keluarga dan ibu bapa (Zimmer-Gemback dan Collins, 2003).

Institusi keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam mencorakkan keupayaan individu dalam aspek sosial, emosi dan kognitif dan tingkahlaku. Gaya perapatan kemungkinan mempunyai implikasi pengaruh penting untuk orientasi dan





sikap terhadap individu (Neustadt dan Furnham, 2006). Gaya perapatan membincangkan model teori perhubungan emosi hingga alam dewasa (Chui dan Leung, 2016; Cobb dan Davila, 2009; Hazan dan Shaver, 1987; Sheinbaum et al., 2015).

Gaya perapatan mempengaruhi tingkah laku, sikap dan tindak balas individu (Harms, 2011; Hazan dan Shaver, 1990; Richards dan Schat, 2011). Perbezaan tingkah laku dan persepsi bukan sahaja dipamerkan dalam dinamik keluarga tetapi mempengaruhi perkembangan sosio emosi kumpulan persekitaran pergaulan tetapi juga turut mempengaruhi sikap dan tingkahlaku autonomi (Manning, 2003), resiliensi (Bartley et al, 2007), dan keupayaan untuk mempercayai orang lain (Vasquez et al., 2002).

Individu perapatan selamat berkait rapat dengan asas sistem hubungan keluarga dengan tindakan yang responsif, bertanggungjawab, serta berupaya meminta sokongan orang lain dan berkebolehan mengendalikan situasi dengan baik (Mikulincer dan Shaver, 2016). Keluarga perapatan selamat menyokong perkembangan autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dengan menggalakkan anak-anak mereka mempunyai kepercayaan yang bermakna (Reynolds et.al 2011), pemahaman yang jelas tentang realiti, kemahiran kognitif dan penyelesaian masalah yang bagus dan keyakinan diri yang tinggi (Connor dan Davidson, 2003; Coutu, 2002; dan Masten, 2000. Keluarga gaya perapatan selamat menggalakkan kebolehan aktiviti penerokaan dalam persekitaran mereka, dikaitkan secara positif dengan perkembangan autonomi (Littman-Ovadia et al. 2013) , memberikan respon emosi individu yang responsif terhadap emosi membentuk perkembangan regulasi emosi yang positif dengan penilaian kognitif terhadap peristiwa yang dialami anak-anak (Mikulincer dan Florian,





1995) serta cenderung untuk melihat individu lain dalam persepsi positif (Batholomew dan Harowitz , 1991). Justeru, kemampuan autonomi, regulasi emosi dan resiliensi anak-anak dalam dikembangkan melalui ketrampilan interpersonal yang adaptif dan kualiti keluarga yang positif (Heru dan Dreary,2011) serta keupayaan untuk mencari sokongan apabila menghadapi situasi yang tegang dan mencabar serta berkemungkinan mengalami tahap tekanan yang lebih rendah (Richards dan Schat, 2007). Persoalannya, adakah anak-anak daripada keluarga perapatan selamat masih mempunyai perkembangan positif ketika pada peringkat dewasa?

Anak-anak daripada keluarga yang berkonflik tinggi dikatakan mempunyai tahap tekanan emosi yang tinggi (Peng,2021; Alaie,2020 ; Ee dan Arshat, 2019) dan mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap tingkahlaku maladaptif seperti penyalahgunaan dadah (Johnson, 2011; Brook, 2009; Fosco,2018), delikueni (Ghazali, 2017; Piang, 2017), ketagihan porno dan salahlaku penggunaan internet (Gao,2018).

Konflik ibu bapa dalam keluarga melibatkan keganasan rumah tangga, penderaan fizikal dan emosi, penderaan seksual . turut memberikan implikasi terhadap ekspresi emosi yang negatif dan positif kepada anak-anak( Branje,2018). Kesan emosi konflik kekeluargaan turut memberikan kesan terhadap tingkahlaku sosial anak-anak (Collins dan Steienberg,2006).Anak-anak yang berkembang dalam perapatan bimbang dalam persekitaran kitaran emosi yang menyahaktifkan perapatan selamat dan sangat memerlukan justifikasi daripada individu-individu signifikan kepada mereka untuk memberikan hubungan yang responsif. Mereka merasa tidak yakin dengan sokongan dan perhatian yang mereka terima daripada individu-individu yang signifikan kepada mereka dan sering memerlukan pengesahan daripada orang tersebut kepada diri mereka





(Johnson,2019). Perasaan tidak aman dan kebimbangan diaktifkan terhadap penolakan orang lain kepada diri mereka. Anak-anak dalam orientasi gaya perapatan bimbang mempunyai kecenderungan depresi dan kemurungan yang tinggi (Bekker dan Croon,2010). Perapatan bimbang juga mungkin dikaitkan secara negatif dengan tingkah laku membantu rakan-rakan(Geller dan Bamberger, 2009) dan tingkah laku kebersamaan dalam kumpulan (Richards dan Schat, 2011) kerana bimbang dipulaukan orang lain mereka sanggup menjadi individu yang pasif untuk menolak kepada permintaan diluar kemampuan mereka sendiri (Mikulincer dan Shaver,2012). Oleh demikian, bagaimanakah pengalaman kebimbangan dalam perhubungan perapatan keluarga mempengaruhi perkembangan autonomi,regulasi emosi dan resiliensi mereka apabila pdi peringkat dewasa?



Manakala, anak-anak yang mempunyai gaya perapatan mengelak cenderung

untuk mengelakkan pergantungan emosi kepada orang lain dan sukar untuk membuka diri dalam perhubungan (Hazan dan Shaver,1987). Keperluan emosi yang tidak dipenuhi oleh ibu bapa mereka menyebabkan kelopongan rasa keselamatan dalam hubungan. Mereka mungkin berasa tidak percaya dengan sokongan daripada individu yang signifikan iaitu ibu bapa atau penjaga mereka ketika awal kanak-kanak dan lebih suka bergantung pada diri mereka sendiri (Hazan dan Shaver,1987; Bartholomew, 1990). Individu perapatan mengelak cenderung mengalami kekeliruan dalam mengenalpasti emosi mereka sehingga mengganggu resiliensi mereka dalam menghadapi situasi yang sukar. Richards dan Schat (2011) mendapati bahawa individu gaya perapatan mengelak dikaitkan dengan tahap pencarian sokongan, emosi yang lebih rendah serta pengherotan penekanan ekspresif yang melampau. Luka akibat daripada kesan pengabaian dan penderaan pada awal kanak-kanak membawa kesan





yang traumatik kepada kehidupan mereka (Shahab,2021). Justeru, apakah anak-anak dalam perapatan mengelak dapat mengatasi kesan traumatik ini apabila meningkat dewasa?

Limitasi kajian yang mengkaji perkembangan anak-anak dalam proses transisi kedewasaan dalam konteks perkembangan determinasi autonomi sendiri anak-anak (Ryan dan Deci,2002) yang tumbuh dalam persekitaran perapatan keluarga , regulasi emosi Gross dan Thompson,2007) anak-anak terhadap hubungan interpersonal dengan rakan-rakan dan orang sekeliling mereka dan kemampuan resiliensi anak-anak (Stavrianopoulos, 2019; Smith et.al,2008) yang tumbuh dewasa untuk menghadapi cabaran perubahan-perubahan , perubahan fizikal, peranan dalam masyarakat (Winpenny ,2020) daripada pengalaman kepercayaan, komunikasi dan keakraban dalam konteks keluarga (Armsden dan Greenberg,2009)

Kajian-kajian literatur seperti kajian Simpson(2019) mengkaji pengaruh gaya perapatan dalam perubahan transisi anak-anak dewasa terhadap perhubungan romantis terhadap pasangan; kajian Park et.al (2019) mengkaji gaya perapatan dalam perhubungan romantis orang dewasa; kajian Simpson et.al (2002) mengkaji gaya perapatan kepada transisi keibubapaan dan kepuasan perkahwinan; kajian Rholes dan (2001) mengkaji mengenai transisi kedewasaan dalam konteks peranan menjadi keibubapaan baru; manakala kajian tempatan mengkaji perapatan dalam konteks perubahan adaptasi di di institusi pengajian tinggi (Jaafar,2019); hubungan gaya perapatan, orientasi keagamaan dan kemurungan di instistusi pengajian tinggi (Ahmad Nazri dan Sulaiman,2022) walaubagaimanapun tidak menitikberatkan perubahan-





perubahan dalam konteks perkembangan psiko sosio emosi dan tingkahlaku anak-anak dewasa.

Kelompokan ini dianggap penting untuk mengkaji sejauh mana faktor-faktor keluarga seperti layanan terhadap jantina anak-anak (Dutra-Thomé,2019), keharmonian rumah tangga ibu bapa sama ada yang melalui penceraian atau tidak bercerai (Fomby,2013; Herrenkohl,2009) serta status pendapatan keluarga (Johnson, 2023; Schoeni,2004) mungkin memberikan perbezaan terhadap gaya perapatan individu untuk berkembang sebagai individu yang mempunyai imej sendiri yang dalam mengenal pasti konsep sendiri (Palacios,2015;Adamson,2007) sebenar mereka di alam dewasa membentuk autonomi diri yang tulen (Melendro,2020; Dutra-Thomé,2019), pengurusan strategi regulasi emosi yang seimbang dalam menghadapi kepelbagai pengalaman peristiwa dalam kehidupan (Allen,2018; Park,2020) serta keupayaan diri mereka untuk menghadapi cabaran dengan kekuatan resiliensi (Stavrianopoulos, 2019) dalam proses kedewasaan anak-anak.

Justeru itu, kajian ini dianggap penting dalam membantu mengkaji perubahan yang berlaku pada peringkat awal dewasa dalam usia 19 tahun dalam konteks pelajar tahun akhir Diploma Vokasional Malaysia yang berada pada awal pekerjaan di latihan industri yang mengalami beberapa perubahan seperti penyeliaan di dalam industri pekerjaan, persaingan kompetatif dalam menunjukkan bakat dan kebolehan, pengurusan emosi dalam mengatasi tekanan dan cabaran yang sangat mencabar sebagai orang dewasa (Azizi,2010. Gili,2019).





## 1.4 Objektif Kajian

Objektif ialah sasaran sebenar penyelidik yang boleh diceraip. Berbeza dengan matlamat kerana objektif adalah lebih khusus dan digunakan untuk mencapai sesuatu matlamat penyelidikan. Objektif menjadi tujuan khusus yang perlu dicapai dan disebabkan itu, objektif perlu dinyatakan dengan jelas supaya dapat menunjukkan apa yang hendak dicapai (Fauzi Hussin et.al.,2014)

Objektif kajian secara khususnya adalah untuk mengkaji “Pengaruh Gaya Perapatan Terhadap Autonomi, Regulasi Emosi, dan Resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia”. Namun, objektif secara am di dalam kajian ini adalah

- i. Untuk mengukur perbezaan antara perapatan, autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dengan jantina dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor.
- ii. Untuk mengukur perbezaan antara perapatan, autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dengan status perkahwinan ibu bapa sama ada status ibu bapa mereka bercerai atau tidak bercerai dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor.
- iii. Untuk mengukur perbezaan antara perapatan, autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dengan status sosio ekonomi dalam kalangan pelajar Diploma Kolej Vokasional Malaysia di negeri Johor.
- iv. Untuk mengukur pengaruh gaya perapatan terhadap autonomi, regulasi emosi, dan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Kolej Vokasional Malaysia di negeri Johor.







## 1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan kajian yang divina oleh pengkaji, bagi menjawab objektif-objektif kajian yang ditetapkan:

- i. Persoalan 1: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?
  - a) Persoalan 1.1: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan kepercayaan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?
  - b) Persoalan 1.2: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan kepercayaan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar?
  - c) Persoalan 1.3: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?
  - d) Persoalan 1.4: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan komunikasi kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?
  - e) Persoalan 1.5: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan pengasingan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?
  - f) Persoalan 1.6: Apakah terdapat perbezaan signifikan antara jantina dengan pengasingan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?



ii. Persoalan 2: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor?

- a) Persoalan 2.1: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan kesepadanan sendiri dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di negeri Johor ?
- b) Persoalan 2.2: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia Negeri Johor?
- c) Persoalan 2.3: Apakah terdapat perbezaan antara jantina keutamaan sendiri dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia Negeri Johor?

iii. Persoalan 3: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan regulasi emosi dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia.

- a) Persoalan 3.1: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- b) Persoalan 3.2: Apakah terdapat perbezaan antara jantina dengan penekanan ekspresif dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?



- iv. Persoalan 4: Apakah terdapat perbezaan jantina dengan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- v. Persoalan 5: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Persoalan 5.1: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan kepercayaan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - b) Persoalan 5.2: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan kepercayaan terhadap rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - c) Persoalan 5.3: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan komunikasi terhadap ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - d) Persoalan 5.4: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan komunikasi terhadap rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - e) Persoalan 5.5: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan pengasingan kepada ibu bapa kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia?
  - f) Persoalan 5.6: Apakah terdapat perbezaan status perkahwinan dengan pengasingan rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?



vi. Persoalan 6: Apakah terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

- a) Persoalan 6.1: Apakah terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan kesepadanan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- b) Persoalan 6.2: Apakah terdapat perbezaan antara kawalan sendiri dengan status perkahwinan ibu bapa dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- c) Persoalan 6.3: Apakah terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

vii. Persoalan 7: Apakah terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan kawalan sendiri dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

- a) Persoalan 7.1: Apakah terdapat perbezaan antara penilaian kognitif dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- b) Persoalan 7.2: Apakah terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan penekanan ekspresif dengan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?



- viii. Persoalan 8: Apakah terdapat perbezaan antara resiliensi dengan status perkahwinan ibu bapa sama ada bercerai atau tidak bercerai dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- ix. Persoalan 9: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- a) Persoalan 9.1: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi dengan kepercayaan kepada ibu bapa keluarga dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - b) Persoalan 9.2: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kepercayaan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - c) Persoalan 9.3: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - d) Persoalan 9.4: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - e) Persoalan 9.5: Apakah perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan pengasingan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
  - f) Persoalan 9.6: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga keluarga dengan pengasingan kepada rakan



sebayu dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

x. Persoalan 10: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

a) Persoalan 10.1: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kesepadanan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

b) Persoalan 10.2: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

c) Persoalan 10.3: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

xi. Persoalan 11: Apakah terdapat perbezaan antara regulasi emosi dengan status sosio ekonomi keluarga keluarga dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

a) Persoalan 11.1: Apakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

- b) Persoalan 11.2: Apakah perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan penekanan ekspresi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- xii. Persoalan 12: Adakah terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- xiii. Persoalan 13: Apakah terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor??
- a) Apakah terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- b) Apakah terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap regulasi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?
- c) Apakah terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian merupakan saranan andaian atau suatu kenyataan sementara tentang hubungan antara dua pembolehubah atau lebih yang ingin diuji oleh penyelidik. Dengan kata lain hipotesis adalah suatu ramalan atau jangkaan awal yang mungkin betul atau



tidak, tetapi dianggap betul sehingga terdapat bukti menolaknya. Hipotesis mestilah boleh diuji. Ianya bermaksud setiap hipotesis yang dibangunkan itu boleh diuji dalam lingkungan skop data, maklumat dan objektif kajian (Ary, Jacobs dan Sorenson, 2010). Hipotesis ialah pernyataan sementara tentang sesuatu yang kebolehpercayaannya biasanya tidak diketahui (Sulaiman Masri, 2005). Terdapat banyak jenis hipotesis dalam kajian. Antara hipotesis yang digunakan dalam kaedah penyelidikan pendidikan secara saintifik adalah hipotesis nol. Hipotesis nol adalah proposisi yang menunjukkan tiada kesan atau tiada hubungan antara fenomena atau populasi (Sulaiman Masri, 2005). Hipotesis nol boleh diuji dan jika didapati palsu, yang kemudian menunjukkan terdapat hubungan antara data yang diperhatikan (Sulaiman Masri, 2005). Pengkaji menetapkan hipotesis nol digunakan dalam kajian untuk mengelakkan bias terhadap sesuatu pernyataan dalam kajian.



Pengujian hipotesis kajian adalah bertujuan membuat penilaian terhadap perbezaan statistik sampel dengan parameter populasi kajian yang dihipotesiskan (Fauzi Hussin, et.al,2020). Pengkaji turut menetapkan aras signifikan pada  $p < 0.05$  sesuai dengan saranan Fauzi Hussin et.al (2020) yang menyarankan pengujian hipotesis terhadap lapangan kajian yang melibatkan kajian selain eksperimental dimana aras  $p < 0.05$  lebih sesuai digunakan dalam menjamin kualiti kajian.





Berikut dikemukakan hipotesis-hipotesis dalam kajian:

- i. Hipotesis Nol 1: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - a) Ho 1.1: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan kepercayaan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho 1.2: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan kepercayaan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - c) Ho1.3: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - d) Ho1.4: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan komunikasi kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - e) Ho1.5: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan pengasingan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - f) Ho1.6: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan pengasingan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



- ii. Hipotesis Nol 2: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Ho2.1: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan kesepadanan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho2.2: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - c) Ho2.3: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- iii. Hipotesis Nol 3: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan regulasi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Ho3.1: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho3.2: Tidak terdapat perbezaan antara jantina dengan penekanan eksrpesif emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- iv. Hipotesis Nol 4: Tidak terdapat perbezaan jantina dengan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



- v. Hipotesis Nol 5: Tidak terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Ho5.1: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan kepercayaan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho5.2: Tidak terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan kepercayaan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - c) Ho5.3: Tidak terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - d) Ho5.4: Tidak terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan komunikasi kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - e) Ho5.5: Tidak terdapat perbezaan status perkahwinan ibu bapa dengan pengasingan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - f) Ho5.6: Tidak terdapat perbezaan dengan status perkahwinan ibu bapa dengan pengasingan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



vi. Hipotesis Nol 6: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

- a) Ho 6.1: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- b) Ho 6.2: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- c) Ho 6.3: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



vii. Hipotesis Nol 7: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan regulasi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

- a) Ho 7.1: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- b) Ho7.2: Tidak terdapat perbezaan antaratus perkahwinan ibu bapa sama ada dengan penekanan ekspresif emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.





- viii. Hipotesis Nol 8: Tidak terdapat perbezaan antara status perkahwinan ibu bapa dengan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- ix. Hipotesis Nol 9: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan perapatan dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Ho 9.1: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kepercayaan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho 9.2: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kepercayaan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - c) Ho 9.3: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan komunikasi kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - d) Ho 9.4: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan komunikasi kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - e) Ho9.5: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan pengasingan kepada ibu bapa dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - f) Ho9.6: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan pengasingan kepada rakan sebaya dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



x. Hipotesis Nol 10: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

a) Ho 10.1: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kesepadanan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

b) Ho 10.2 Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan kawalan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

c) Ho 10.3 Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan keutamaan sendiri dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

xi. Hipotesis Nol 11: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan regulasi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

a) Hipotesis 11.1: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan penilaian kognitif dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

b) Hipotesis 11.2: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan penekanan ekspresif emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.



- xii. Hipotesis Nol 12: Tidak terdapat perbezaan antara status sosio ekonomi keluarga dengan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- xiii. Hipotesis Nol 13: Tidak terdapat pengaruh antara gaya perapatan dengan autonomi, regulasi emosi dan resiliensi. dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
- a) Ho 13.1: Tidak terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap autonomi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - b) Ho 13.2: Tidak terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap regulasi emosi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.
  - c) Ho 13.3: Tidak terdapat pengaruh gaya perapatan terhadap resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.





## 1.7 Definisi Kajian

Bagi memastikan kajian adalah berfokus, pengkaji mengemukakan definisi konseptual dan operasional dalam menerangkan istilah-istilah yang digunakan dalam kajian. Menurut Russel (2000). Definisi konseptual adalah abstraksi, yang diungkapkan dalam kata-kata, yang dapat membantu pemahaman. Azwar (2007), definisi konseptual adalah rangkaian konsep yang dianggap sebagai definisi yang masih berupa konsep dan maknanya masih sangat abstrak meskipun secara intuitif masih dapat dipahami maksudnya.

Definisi operasional terdiri dari sekumpulan instruksi mengenai cara mengukur variabel yang telah didefinisikan secara konseptual. Definisi operasional adalah pernyataan yang cermat atau presisi tentang bagaimana variabel konseptual diubah menjadi variabel yang bisa diukur (Gravetter dan Forzano, 2009). Marican (2005) menyatakan di mana definisi operasional menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperlihatkan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasikan. Definisi operasional menunjuk pada cara-cara untuk mengukur suatu konsep dalam suatu konteks suatu studi atau penelitian yang spesifik (Waltz, Strickland, dan Lenz, 2010). Oleh yang demikian, berikut dikemukakan definisi istilah secara konseptual dan operasional di dalam kajian ini.







## i. Pengaruh

### Definisi Konseptual

Menurut kamus dewan edisi ke empat, pengaruh didefinisikan sebagai kuasa yang terbit daripada orang (benda) ke atas orang (benda) lain, kekuatan batin (ghaib) yg meninggalkan kesan pd orang (lain). Menurut *American Psychological Association* Definition, kajian *ex post facto* adalah penyelidikan yang mengkaji kejadian lampau untuk memahami keadaan semasa. Manakala, menurut Kerlinger,1970, reka bentuk jenis ini sering digunakan apabila tidak mungkin untuk memanipulasi pembolehubah bebas atau apabila tidak beretika untuk melakukannya (Kerlinger,1970).

### Definisi Operasional:



Dalam konteks kajian ini, pendekatan rekabentuk kajian kuantitatif *ex post-facto* dan regresi dilakukan adalah bertujuan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi sesuatu situasi.

## ii. Gaya Perapatan

### Definisi Konseptual:

Bowlby mendefinisikan perapatan sebagai satu aspek khusus dan terhad dalam hubungan antara kanak-kanak dan pengasuh yang terlibat dalam memastikan kanak-kanak itu selamat, terjamin dan dilindungi (Bolwby,1982). Perapatan ialah ikatan emosi atau ikatan antara individu atau seorang yang secara lazimnya adalah penjaga kepada anak-anak sejak daripada awal kelahiran (Bowlby, 1984).Manakala kamus dewan edisi kedua mendefinisikan perapatan sebagai perbuatan yang merapatkan.





*American of Psychological Association* mendefinisikan perapatan sebagai karekteristik individu dengan orang lain dalam konteks hubungan yang akrab yang banyak dipengaruhi oleh nilai diri dan kepercayaan interpersonal.

Manakala itu ,Ada tiga gaya perapatan yang diidentifikasi dalam Shaver dan Hazan (2016) iaitu:

1. Perapatan selamat
2. Perapatan bimbang
3. Perapatan Mengelak

Definisi Operasional



Oleh yang demikian dalam konteks kajian ini, gaya perapatan disebut sebagai tiga gaya perapatan iaitu gaya perapatan selamat, gaya perapatan bimbang dan gaya perapatan mengelak sebagai pemboleh ubah tidak bersandar .

### **iii. Autonomi Remaja**

Definisi Konseptual:

Menurut Kamus Dewan Edisi keempat , autonomi didefinisikan sebagai pemerintahan (pentadbiran, pengu-rusan) sendiri, hak mengurus pemerin-tahan (pentadbiran) sendiri (tanpa pe-ngua-saan atau pengendalian oleh pihak lain). Manakala , *American of Psychological Association* mendefinisikan autonomi menurut teori determinasi sendiri





adalah sebagai sebagai pengalaman bertindak dari pilihan, dan bukannya merasa tertekan untuk bertindak.

Dalam pada itu, Ryan dan Deci (2006) mengatakan autonomi adalah konsep yang kompleks dan multidimensi, yang melibatkan aspek kognitif, afektif, tingkah laku dan sosial, dan yang boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor kontekstual. Huraian tentang elemen di dalam pengukuran aspek autonomi di huraikan kepada tiga subkonstruk yang di huraikan dalam pengukuran yang dicadangkan oleh Weinstein (2012) seperti berikut:

i) Kesepadanan diri ;

ii) Kawalan Kendiri dan

iii) Keutamaan Kendiri

Autonomi seringkali didefinisikan sebagai sikap berdikari atau penggantungan kepada diri sendiri yang merujuk kepada perlakuan atau keputusan seseorang tanpa mengharapkan orang lain seperti ibu bapa (Markus dan Kitayama, 1991; Smetana, Campione-Barr dan Daddis, 2004; Steinberg, 2002). Apabila ibu bapa atau penjaga memberi sokongan emosi dan menggalakkan autonomi, kanak-kanak akan berupaya untuk mengembangkan keupayaan mereka dalam mengatasi situasi-situasi atau tugas-tugas yang baru dan mampu meminta pertolongan dengan yakin apabila mereka memerlukan (Sroufe, 2005).





Mosier dan Rogoff (2003) mendefinisikan autonomi ialah kebebasan dalam membuat pilihan. Tanggungjawab pula membawa maksud kerjasama, pertimbangan dan rasa hormat terhadap kebebasan orang lain dalam membuat pilihan, sumbangan kepada keperluan keluarga dan koordinasi matlamat seseorang individu dengan semua perkara tersebut. Autonomi juga merujuk kepada perpisahan dari ibu bapa dan memperoleh kesedaran berdikari dari mereka dalam bentuk perseorangan (Sandhu dan Kaur, 2012; Zimmar-Gembeck dan Collins, 2003). Hal ini mendorong kepada perubahan dalam hubungan mereka dengan ibu bapa (Zimmer-Gemback dan Collins, 2003).

#### Definisi Operasional

Oleh yang demikian, pengkaji menyimpulkan autonomi merupakan kebolehan individu melibatkan sikap bertanggungjawab ke atas apa yang dilakukan, minat diri sendiri untuk memberikan pendapat, mengambil berat serta motivasi sendiri untuk bertindak dalam menentukan kemahuan diri sendiri.

#### iv. **Regulasi emosi**

##### Definisi Konseptual:

*American of Psychological Association* mendefinisikan regulasi emosi sebagai keupayaan individu untuk memodulasi emosi atau set emosi. Manakala, menurut Gross dan Thompson, (2007), regulasi emosi adalah keupayaan seseorang mengawal dan memodulisi pengalaman emosi. Regulasi Emosi melibatkan pemilihan dan penerapan pelbagai strategi yang membantu individu untuk mengawal tuntutan psikologikal emosi





mereka dengan cara mengatur emosi yang dirasakan oleh individu, ketika mereka merasai emosi, dan bagaimana mereka mengalami dan mengekspresikan emosi tersebut (Gross, 2014). Dua strategi utama regulasi emosi adalah penilaian kognitif dan penekanan ekspresif (Gross dan John, 2003). Penilaian semula (reappraisal) dikaitkan dengan tafsiran yang lebih positif manakala inferioriti kepada tekanan negatif (Aldao, NolenHoeksema, dan Schweizer, 2010; Brackett, Palomera, Mojsa-Kaja, Reyes, dan Salovey, 2010; Gross, 2014) membawa kepada kemerosotan kesejahteraan psikologikal dan kesihatan mental (Gross, 2014; Gross dan Thompson, 2007).

Johnson (2019) mendefinisikan regulasi emosi sebagai adalah keupayaan untuk memasuki dan menyertai pelbagai emosi, mengenalpasti emosi dengan jelas, mengubah, mengurangkan atau memperkuat emosi tersebut kepada diri atau orang lain, kemudiannya menggunakan emosi dengan bermakna serta menyalurkan pemikiran dan tindakan dengan cara yang sesuai dengan situasi. Emosi negatif dan positif berkemungkinan menjadi adaptif dan maladaptif mengikut sesuatu keadaan (Barret, 2015). Regulasi Emosi melibatkan pemilihan dan penerapan pelbagai strategi yang membantu individu untuk mengawal tuntutan emosi mereka dengan cara mengatur emosi yang dirasakan oleh individu, ketika mereka merasai emosi, dan bagaimana mereka mengalami dan mengekspresikan emosi tersebut (Gross, 2014).

### Definisi Operasional

Dalam konteks kajian ini, regulasi emosi bermaksud strategi yang membantu individu untuk mengawal tuntutan emosi mereka dengan cara mengatur emosi yang dirasakan oleh individu, ketika mereka merasai emosi, dan bagaimana mereka mengalami dan



mengekspresikan emosi tersebut sama ada melalui strategi penilaian kognitif atau penekanan ekspresif.

#### v. **Resiliensi**

Definisi Konseptual:

*American Psychological Association* mendefinisikan resiliensi sebagai proses dan hasil untuk berjaya menyesuaikan diri dengan pengalaman hidup yang sukar atau mencabar, terutamanya melalui fleksibiliti mental, emosi, dan tingkah laku serta penyesuaian kepada tuntutan luaran dan dalaman. Sebilangan faktor menyumbang kepada seberapa baik orang menyesuaikan diri dengan kesukaran, yang utama di kalangan mereka (a) cara individu melihat dan melibatkan diri dengan dunia, (b) ketersediaan dan kualiti sumber sosial, dan (c) strategi menangani khusus.

Manakala, Smith (2008) mendefinisikan resiliensi sebagai bangkit kembali atau sembuh daripada tekanan stres. Selain itu, Tugade dan Fredrikson (2011) mengatakan resiliensi adalah keberkesanan daya tindak balas dan adaptasi apabila berdepan dengan kehilangan, kesukaran atau cabaran. Sementara itu, menurut Zautra dan Murray (2010) resiliensi adalah keupayaan individu untuk berinteraksi dengan persekitaran dan sebagai proses pembentukan kesejahteraan atau melindungi diri daripada pengaruh risiko yang memudaratkan.

Tambahan itu, Ivan et.al (2015) mengatakan resiliensi wujud ketika individu menggunakan proses mental dan tingkahlaku peribadi dan melindungi diri daripada potensi emosi negatif dan stres.



## Definisi Operasional

Resiliensi dalam konteks kajian adalah kemampuan individu untuk menahan diri dengan emosi-emosi negatif agar dapat menyesuaikan diri dengan pengalaman hidup yang sukar atau mencabar, terutamanya melalui fleksibiliti mental, emosi, dan tingkah laku serta penyesuaian kepada tuntutan luaran dan dalaman.

### 1.8 Kerangka Teori

Penyelidikan ilmiah memerlukan teori. Teori ialah dasar dan rangka ilmu pengetahuan yang merupakan sekumpulan binaan konsep, definisi, bukti atau dalil dan saling berkaitan secara sistematis tentang fenomena dengan menetapkan hubungan sebab-akibat antara beberapa Pembolehubah bagi menjelaskan serta meramalkan fenomena berkenaan (Sulaiman,2005).

#### 1.8.1 Teori Terapi Kaunseling Keluarga Berfokus Emosi (TKBE)

Dari perspektif teori kaunseling keluarga sistemik, keluarga ditakrifkan sebagai sistem transaksi, di mana kesukaran dalam mana-mana ahli mempunyai pengaruh kepada setiap ahli lain dan pada seluruh keluarga sebagai satu unit. Sebaliknya, proses keluarga memberikan kesan kepada setiap ahli individu, serta pada hubungan gaya perapatan yang berbeza dalam sistem keluarga tersebut (Johnson, Lafontaine dan Dalglish 2015)





Terapi Keluarga Berfokuskan Emosi (TKBE) Johnson dan rakan sekerjanya bertujuan untuk menggalakkan perapatan yang selamat di kalangan ahli keluarga yang berkonflik Johnson, Maddeaux dan Blouin 1998; Johnson dan Lee 2000; Palmer dan Efron 2007; Johnson, 2004). TKBE adalah pendekatan terapi yang konsisten dengan model berfokuskan pengalaman-sistemik yang berorientasikan teori perapatan ( . Dalam konteks teori pendekatan terapi keluarga berfokus emosi ini , terdapat tiga peringkat dalam kitaran emosi keluarga : (1) mengurangkan kitaran negatif interaksi yang menguatkan konflik dan hubungan tidak selamat antara ibu bapa dan anak; (2) menstruktur semula interaksi untuk membentuk kitaran positif kebolehcapaian ibu bapa dan responsif untuk menawarkan kanak-kanak atau remaja tempat yang selamat dan pangkalan yang selamat; (3) penyatuan kitaran responsif baharu dan perapatan selamat (Brassard dan Johnson 2016)



Teori Terapi Keluarga Berfokus Emosi mengandaikan pengukuhan responsif ibu bapa dan penjaga untuk memenuhi keperluan hubungan perapatan kanak-kanak dan remaja (Palmer, 2015) akan membina keluarga yang lebih kukuh dapat dilakukan melalui (1) merekrut dan mengukuhkan tindak balas regulasi emosi ibu bapa kepada kanak-kanak, (2) mengakses dan memenuhi keperluan-keperluan anak-anak seperti keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan serta aktualisasi sendiri dan (3) memudahkan dan membentuk interaksi komunikasi berkesan daripada ibu bapa kepada anak (Palmer, 2015)

Teori Terapi Keluarga Berfokus Emosi juga juga mengandaikan , pada perkembangan awal kanak-kanak, sejak dari kandungan ibu lagi ikatan perhubungan antara ibu dan bapa telah wujud. Teori Perapatan (Bowlby, 1969/1982) hubungan erat







dengan orang lain yang penting memainkan peranan penting dalam semua peringkat kehidupan manusia (Ainsworth, 1991). Pengalaman awal kanak-kanak membentuk individu dalam interaksi mereka dengan orang lain yang dekat ini membentuk persepsi mereka terhadap diri mereka sendiri, orang lain, dan hubungan, dan mempengaruhi motivasi dan tingkah laku mereka dalam hubungan dan arena lain (Mikulincer dan Shaver, 2007). Perhubungan ikatan yang responsif terhadap keperluan individu akan mengembangkan rasa aman dan hubungan yang erat, sementara perhubungan yang tidak responsif menyebabkan tidak selamat dalam sesebuah hubungan (Mikulincer dan Shaver, 2005).

Terapi keluarga berfokus emosi memberi tumpuan kepada pengalaman emosi dalam keluarga dan corak masalah yang menghalang ahli keluarga daripada mengakses sumber yang mereka akan kongsi (Johnson, 2004). Pendekatan ini membantu ibu bapa menumpukan perhatian pada emosi dan bukannya tingkah laku, untuk meningkatkan hubungan dan meningkatkan komunikasi. Ibu bapa atau penjaga disokong untuk merenung dan 'membuka sekatan' emosi mereka sendiri, terutamanya ketakutan dan rasa malu, yang menghalang cara mereka menjaga anak mereka dengan penuh hormat dan belas kasihan (Greenberg dan Paivio 1997). Pengurusan emosi boleh membantu dalam pengurusan komunikasi interpersonal yang berkesan, pembinaan hubungan, dan penyelesaian konflik, yang boleh mempengaruhi pembinaan dan pembaikan ikatan perapatan yang terapeutik (Cann et al., 2008). Oleh yang demikian, apabila ahli keluarga dapat mengenal pasti gaya perapatan serta corak yang tidak koheren dalam naratif perhubungan dalam isu perapatan keluarga (Byng-Hall, 2008), maka dengan itu mereka dapat memahami dengan lebih baik perbezaan jurang dalam ahli keluarga dalam pengurusan emosi (Duriez, 2021), serta mengatasi masalah komunikasi sebagai





teras kepada pendekatan terapeutik kepada komunikasi ibu bapa-anak (Havighurst,2020;Young Park et al., 2014) atau komunikasi dalam pasangan (Hertlein, 2012).

Kegagalan pihak ibu bapa untuk memodelkan ekspresi emosi yang sesuai dan pengawalan emosi juga boleh menjejaskan persekitaran emosi di rumah dan keupayaan anak-anak untuk belajar tentang emosi kepada ruang sosial mereka. Sebaliknya pengawalan berlebihan atau penindasan emosi juga didapati dikaitkan dengan hasil yang lebih buruk pada kanak-kanak dan remaja (Johnson,2019) kerana ini mengajar anak-aanak untuk mengabaikan atau mengelakkan emosi (sementara sering kekal aktif) dan tidak membantu mereka mengatasi masalah emosi.

Oleh demikian, perhubungan dalam kitaran keluarga membentuk perapatan tidak selamat terdiri daripada perapatan bimbang dan perapatan mengelak. Individu daripada gaya perapatan tidak selamat mengelak dicirikan dengan sikap merasa tidak aman dengan orang lain, memandang orang lain sebagai tidak bersedia, tidak responsif, atau menghukum (Bowlby, 1973; Hazan dan Shaver 1987; Mikulincer dan Shaver, 2005), dan dengan demikian mereka cenderung menjauhkan diri dari orang lain, berusaha untuk mengelakkan hubungan yang rapat dan keakraban emosi, dan menolak keperluan mereka untuk mempunyai hubungan yang istimewa (Mikulincer dan Pencukur, 2005). Tambahan itu, individu daripada perapatan tidak selamat-mengelak mempunyai pandangan negatif terhadap orang lain, yang membawa kepada pengasingan, berdikari dan kesukaran untuk bergantung pada orang lain (Mikulincer dan Shaver, 2007).






Melalui kajian ini justeru dapat memberikan implikasi kepada intervensi keluarga khususnya kepada keluarga yang menghadapi anak-anak yang mengalami transisi peralihan perkembangan ke fasa dewasa. Penstrukturan semula gaya perapatan dapat membantu kepada komunikasi interpersonal yang lebih yakin dan baik, memperbaiki pandangan individu perapatan tidak selamat bimbang dan mengelak kepada perhubungan yang lebih positif, memberi respon emosi terhadap kesulitan dan cabaran yang dihadapi dengan tepat sama ada menggunakan respon penilaian kognitif serta penekanan ekspresif sesuai pada tempat serta kekuatan untuk tidak mudah berputus asa apabila menghadapi cabaran (Randall,2002; Thompson, 2018). Oleh yang demikian, melalui kajian ini dapat memberikan implikasi kepada proses intervensi kitaran emosi TKBE kepada ahli keluarga bahawa hubungan perapatan tidak hanya memberikan implikasi kepada perkembangan emosi ahli keluarga tetapi sebenarnya membangunkan kemahiran-kemahiran yang membawa kepada kesan proses kedewasaan anak-anak.



## Rajah 1.1

*Model Teori Terapi Keluarga Berfokus Emosi (TKBE), Johnson (2019)*




## 1.9 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual kajian pula bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas bentuk kajian, hala tuju kajian, format kajian dan peringkat-peringkat atau fasa- fasa dalam kajian. Ia juga boleh diasaskan di atas mana-mana teori yang ada atau dibentuk sendiri berasaskan kajian-kajian terdahulu.

Kerangka konsep lebih bersifat tentatif dan belum dibangun secara sepenuhnya berbanding kerangka teori (Norwood, 2000).

## Rajah 1.2

*Kerangka Konseptual yang diadaptasi dan diubahsuai daripada Johnson (2019); Weinsten(2012); Gross dan Thompson(2007); Smith et.al (2008)*



Rajah 1.2, di atas menunjukkan kerangka konseptual yang telah ditetapkan oleh pengkaji dalam menentukan kajian secara kajian ex post facto. Populasi kajian, N adalah sebanyak 1164 orang sebagai responden kajian, namun hanya 285, orang sampel, n dipilih sebagai responden kajian berdasarkan saranan Jadual Pensampelan Krejcie Morgan, (1970). Pembinaan kerangka konseptual ini diadaptasi dan diubahsuai daripada teori perapatan Terapi Keluarga Berfokus Emosi melalui konstruk autonomi Weinsten (2012) yang diadaptasi daripada teori Determinasi Kendiri Ryan dan Deci (2000); konstruk regulasi emosi Gross dan Thompson (2007); serta konstruk resiliensi Smith et.al (2008).



Dalam kajian ini terdapat empat dimensi teori dikembangkan Terapi Keluarga Berfokus Emosi (TKBE) ialah pendekatan berasaskan (i) gaya perapatan yang menggabungkan kedua-dua intervensi sistemik dan pengalaman untuk membaiki ikatan yang terputus dan menyembuhkan keluarga yang retak melalui pemusatan emosi keluarga, (ii) teori Determinasi Kendiri (*Self Determination Theory*; Ryan dan Deci, 2002) merupakan rangka kerja yang telah digunapakai untuk meningkatkan pemahaman proses perhubungan dan fungsi perkembangan perapatan (Mikulincer dan Shaver, 2008); Vansteenkiste dan Ryan, 2013) terhadap autonomi (Lynch, 2003). Di samping itu, kajian ini mempertimbangkan (iii) strategi regulasi emosi Gross dan Thompson (2007) yang digagaskan dalam model Terapi Keluarga Berfokus Emosi akibat daripada kepercayaan, komunikasi tidak berkesan serta jurang hubungan akibat pengasingan hubungan ibu bapa dengan anak-anak (Amrden dan Greenberg, 1987). (iv) Tambahan itu, terapi keluarga berfokus emosi turut menekankan peranan dalam ibu bapa membentuk semula hubungan yang stabil, komunikasi yang berkesan antara pasangan untuk menyediakan persekitaran yang positif serta hubungan keakraban yang harmonis untuk perkembangan resiliensi anak-anak (Benzies, 2009; Johnson, 2019; Furrow, 2019; Weibe, 2017).

Pembolehubah diwujudkan untuk menerangkan akibat dan sebab melalui pembolehubah yang diterangkan (akibat) dan pembolehubah yang diterangkan (sebab) (Fuad Mohamed Berawi, 2017).





i. Pembolehkan ubah dimalarkan:

Pembolehkan dimalarkan adalah pembolehkan yang ditetapkan dan dikawal dalam populasi kajian. Semua responden di dalam populasi kajian terdiri daripada pelajar Tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

ii. Pembolehkan faktor demografi:

Pembolehkan faktor demografi merupakan pembolehkan faktor latar belakang responden yang mungkin mempengaruhi kajian. Dalam konteks kajian ini faktor demografi yang diambil kira adalah faktor jantina, faktor status perkahwinan ibu bapa dan faktor status sosio ekonomi responden.

iii. Pembolehkan Bersandar:

Pembolehkan bersandar adalah pembolehkan yang dipengaruhi Pembolehkan bebas (Fuad Mohamed Berawi, 2017) Pembolehkan perapatan mungkin dipengaruhi oleh adalah autonomi, regulasi emosi dan resiliensi.

iv. Pembolehkan Bebas:

Pembolehkan Tidak Bersandar adalah Pembolehkan yang mempengaruhi Pembolehkan bersandar (Fuad Mohamed Berawi, 2017). Dalam konteks kajian, gaya perapatan merupakan Pembolehkan bebas sebab dimana responden kajian terdiri daripada individu-individu sama ada daripada gaya perapatan selamat, gaya perapatan tidak selamat bimbang dan gaya perapatan tidak selamat mengelak.





## 1.10 Kepentingan Kajian

### i. Pegawai Psikologi dan Kaunselor

Kajian ini dianggap penting untuk memberikan kesan dalam perkhidmatan intervensi psikologi dan kaunseling di Malaysia dalam mempertingkatkan efikasi serta pengetahuan kaunselor, mahupun pegawai psikologi dalam mengendali sesi-sesi kaunseling /bimbingan keluarga di kolej atau di insitusi perkhidmatan pendidikan.

### ii. Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian ini diharap agar dapat memberikan kesan kepada pengesanan kesekatan emosi pelajar serta menyerlahkan potensi dan bakat mereka kepada peningkatan sahsiah, emosi dan kognitif mereka.



### iii. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga

Kajian ini diharap memberikan impak terhadap pengukuhan institusi kekeluargaan di Malaysia dalam usaha mendidik anak-anak bersesuaian dengan fisiologi dan psikologikal perkembangan anak-anak dari awal kanak-kanak sehingga kepada proses kedewasaan. Jurang generasi dan pembezaan sendiri dalam diri anak-anak yang sedang mengalami proses perkembangan perlu disantuni dan difahami agar generasi yang lahir berkembang dengan baik, dapat mengatasi krisis dan konflik dalam keluarga dan membentuk pewatakan anak-anak yang fungsional, dinamik, cekal, tabah, berautonomi, yakin dan beresiliensi.







#### iv. Kaunselor/ Pengamal Terapi Psikologi

Kajian ini diharap agar dapat membantu meningkatkan modal insan negara ke arah profesionalisme, berkualiti, amanah dan berkemahiran tinggi melalui pengukuhan pengetahuan kepada barisan hadapan institusi pendidikan seperti guru-guru /pensyarah institusi Kolej Vokasional, para pegawai psikologi dan kaunseling dalam menyediakan graduan yang berkualiti.

### 1.11 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi di dalam kajian ini. Limitasi-limitasi kajian dihuraikan seperti berikut:



#### i. Lokasi Kajian

Institusi Kolej Vokasional di Negeri Johor yang terlibat dalam kajian ini adalah KV Tanjung Puteri, KV Perdagangan, KV Kota Tinggi, KV Kluang, KV Muar dan KV Segamat. Pemilihan lokasi kajian adalah berdasarkan faktor pengkhususan populasi kajian yang melibatkan sampel kajian daripada pelajar Tahun Dua Diploma Vokasional Malaysia Kohort 2018. Kajian turut mengambilkira persetujuan pihak pentadbiran Kementerian Pelajaran Malaysia, Bahagian Pendidikan Latihan Vokasional dan Institusi Kolej Vokasional di Negeri Johor yang terlibat. Persetujuan bersyarat daripada pihak Bahagian Pendidikan Latihan dan Vokasional, BPLTV adalah sejajar dengan statistik pelajar yang dijangkiti dengan Covid 19 di beberapa negeri, kesulitan mendapat capaian internet dan persetujuan pengarah institusi Kolej Vokasional untuk melibatkan pelajar mereka di dalam kajian ini. Kesepakatan pengarah-pengarah Kolej





Vokasional membenarkan proses kutipan data di institusi Kolej Vokasional di Negeri Johor adalah satu peluang dan ruang untuk pengkaji mengkaji pengaruh gaya perapatan terhadap autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Vokasional Malaysia di Negeri Johor.

Rasional pemilihan kolej vokasional di Negeri Johor sebagai lokasi kajian adalah kerana responden kajian terdiri daripada pelajar-pelajar DVM yang mempunyai tahap kelayakan akademik yang hampir sama dalam memenuhi syarat kelayakkan kemasukkan akademik ke Kolej Vokasional Malaysia. Tambahan itu, pelajar Kolej Vokasional Malaysia adalah sama iaitu setelah tamat graduat Diploma Vokasional Malaysia pada usia 20 tahun sama ada untuk menyambung pengajian, terus bekerja atau menjadi usahawan. Selain itu, penawaran program di kolej vokasional di negeri johor adalah sama dengan penawaran program-program yang ditawarkan di negeri-negeri lain. Insitutsi Kolej Vokasional Malaysia tidak pernah menghadkan penawaran belajar hanya untuk penduduk sesebuah negeri sahaja dan terbuka untuk pemohon pada mana-mana negeri berdasarkan syarat kelayakkan kemasukkan ke kolej vokasional oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). Para pelajar lepasan tingkatan tiga daripada mana-mana negeri dengan status sebagai warganegara boleh memohon ke kolej vokasional berdasarkan minat, kelayakkan dan kekosongan tempat pada program yang ditawarkan. Institusi kolej-kolej vokasional di negeri johor menawarkan hampir keseluruhan program-program yang ditawarkan oleh kolej vokasional di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini dikatakan wajar untuk digenerelasikan hanya kepada pelajar Diploma Vokasional Institusi Kolej Vokasional di Malaysia di Negeri Johor sahaja.





## ii. Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian hanya melibatkan pelajar Tahun 2 Diploma Vokasional di Negeri Johor. Oleh yang demikian, kolej vokasional di Johor yang tidak mempunyai pelajar Tahun 2 DVM tidak terlibat dalam kajian ini. Kajian ini melibatkan N=1164 orang pelajar sebagai populasi kajian, dan seramai n=285 orang sampel kajian yang dipilih secara rawak mudah. Kajian dilakukan secara rawak mudah untuk mengurangkan bias dalam kajian. Namun begitu, sampel kajian terdiri daripada kurang daripada 2% pelajar terdiri daripada kaum bukan menyebabkan faktor latar belakang kaum responden digugurkan sebagai faktor kajian yang mungkin mempengaruhi perbezaan kepada gaya perapatan, autonomi, regulasi emosi dan resiliensi dalam kalangan pelajar Diploma Kolej Vokasional di negeri Johor.



## iii. Latar Belakang Responden

Kajian ini tidak mengambilkira latar belakang etnik/bangsa responden dan kajian-kajian pada masa akan datang boleh membuat analisis perbezaan min etnik/bangsa ke atas gaya perapatan serta perbezaan min etnik /bangsa ke atas aspek autonomi, regulasi emosi dan resiliensi.

## iv. Pengedaran Soal Selidik Secara Dalam Talian

Pengedaran soal selidik dilakukan secara dalam talian iaitu *Google Form* kerana menghadapi kekangan akibat pandemik COVID-19.





## v. **Pengukuran Pembolehubah**

Kajian mengukur hanya kepada perkembangan sosio-emosi tingkahlaku anak-anak pada autonomi, regulasi emosi dan resiliensi.

Perbincangan mengenai implikasi kajian akan dithuraikan dengan lebih jelas dan terperinci di dalam bab 5 nanti.

### 1.12 **Rumusan**

Di dalam perbincangan Bab 1 ini, pengkaji menghuraikan mengenai pengenalan, latarbelakang dan permasalahan dalam kajian. Antara subtopik-subtopik yang dibincangkan adalah mengenai objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis-hipotesis yang dikemukakan dalam kajian, definisi kajian dihuraikan dengan terperinci agar kajian menjadi spesifik, empirikal dan saintifik di dalam lapangan bidang kajian pendidikan Kerangka teori dan kerangka konseptual dihuraikan dan dilakarkan dalam penulisan kajian agar perjalanan kajian menjadi sistematik. Laporan kajian ini dibahagikan kepada 5 bahagian. Bab 1 membincangkan pengenalan kajian iaitu latar belakang, masalah kajian dan objektif dan persoalan kajian. Bab 2 sorotan kajian lalu berkaitan dengan masalah kajian. Bab 3 adalah metodologi kajian. Bab 4 pula membincangkan analisis data dan dapatan kajian. Bab 5 menyatakan perbincangan, rumusan, implikasi cadangan dan rumusan kajian.

